

03 MAY 1996

LAPORAN AUDIT PENGURUSAN DN KEWANGAN MARA DISERAH ESOK

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Laporan Jawatankuasa Khas yang mengaudit pengurusan dan kewangan MARA akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, esok.

Besar kemungkinan Anwar akan membuat pengumuman mengenai laporan itu pada Khamis depan, kata Pengerusi MARA Datuk Othman Abdul selepas menyerahkan borang pendaftaran untuk bertanding jawatan anggota Majlis Tertinggi Umno di Ibupejabat parti di sini hari ini.

Othman tidak menyangkalkan bahawa Mara akan mengalami penyusunan semula struktur pengurusan majlis itu.

Jawatankuasa 10 orang itu mula penyiasatan mereka Februari lepas.

Penyiasatan Jawatankuasa Khas Audit dan Pengurusan itu dijalankan berikutan pelbagai dakwaan bahawa majlis itu menghadapi masalah kewangan dan pengurusan.

Difahamkan bahawa laporan itu memberi tekanan kepada bidang pengurusan, kedudukan kewangan, pentadbiran, organisasi, pinjaman dan pembangunan.

-- BERNAMA

SJA AHH